

Kerajaan belum puashati dgn kejayaan

BH 23 MEI 1976
B-putera: Dr. M

DR. Manathir Mohamad berkata, Kerajaan belum puas hati dengan kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh Bumiputera dalam aktiviti ekonomi negara lalu mengesyorkan Dewan-dewan Perniagaan Melayu menubuhkan "unit trust" bagi mempercepat pencapaian matlamat itu.

Kerajaan, tegas beliau, mahu melihat Bumiputera menubuhkan projek-projek bercorak perindustrian ataupun memiliki saham-saham di dalam projek-projek yang dianjurkan oleh warganegara-warganegara Malaysia yang lain.

"Prestasi dan pencapaian Bumiputera di bidang-bidang tersebut masih jauh tertinggal dari apa yang dirancangkan," katanya.

Oleh itu, Dr. Mahathir mengesyorkan supaya dewan-dewan perniagaan Melayu mengkaji kemungkinan mengadakan unit trust sendiri untuk membeli saham-saham yang telah dikhaskan untuk Bumiputera supaya pencapaian matlamat dapat dipercepatkan.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran berkata demikian ketika berucap di upacara perasmian Mesyuarat Agung Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia cawangan Kedah di sini pagi ini.

Dalam ucapan yang panjang itu, Dr. Mahathir juga menyentuh:

● Hanya 10 peratus dari jumlah projek yang diluluskan antara 1969 hingga 1975 dimiliki Bumiputera.

● Daripada sebanyak

Alor Setar,
Khamis

\$384 juta sanam yang dikhaskan untuk Bumiputera, hanya \$22.5 juta telah dibeli dan dimiliki oleh Bumiputera.

● Dukacita sebahagian Bumiputera hanya mengedarkan barang-barang import yang dikenakan sekatan quota kerana mengambil kesempatan dari amalan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang menghadkan sekurang-kurangnya 30% darinya diperniagakan oleh Bumiputera.

● Kemajuan Kedah dalam bidang perindustrian amat menggalakkan.

● Dewan-dewan perniagaan Melayu dan institusi-institusi Bumiputera perlu memainkan peranan lebih besar sebagai nadi penggerak penyertaan Bumiputera.

Sungutan

Dr. Mahathir berkata, beliau sedar sejak beberapa waktu kebelakangan ini, sering kedengaran sungutan-sungutan tidak puas hati di kalangan Bumiputera tentang cara pelaksanaan Dasar ekonomi baru dan mengenal kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh orang-orang perseorangan Bumiputera.

"Walaupun telah bertambahnya penyertaan Bumiputera di sektor-sektor yang tertentu, namun Kerajaan masih tidak berpuas hati dengan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh Bumiputera setakat ini.

Katanya, peraturan-peraturan tertentu telahpun diadakan supaya Bumiputera diberi peluang dan kesempatan untuk menyertai di dalam bidang-bidang tersebut.

"Tetapi amat dikesalkan ke-

rana prestasi dan pencapaian Bumiputera di bidang-bidang tersebut masih jauh tertinggal dari apa yang dirancangkan.

Timbalan Perdana Menteri berkata beliau sedar salah satu sebabnya ialah sebahagian daripada saham yang ditawarkan tidak menjamin keuntungan bagi pelabur.

"Jika pelabur Bumiputera mempunyai modal yang kecil, kegagalan perniagaan yang disertainya akan memusnahkan terus modal yang kecil itu.

"Sebaliknya keuntungan perniagaan tidak sebesar yang dijangka lalu pelaburan \$1,000 mungkin memberi keuntungan cuma sebanyak \$100 setahun," katanya.

Oleh itu beliau mencadangkan dewan-dewan perniagaan Melayu menubuhkan tabung saham atau "unit trust" untuk membeli saham-saham yang telah dikhaskan untuk Bumiputera.

Menyentuh perkembangan perindustrian di Kedah, Dr. Mahathir berkata negeri itu tidak ketinggalan dalam bidang tersebut.

Sehingga bulan Mac lalu, sebanyak 103 projek telah diluluskan di Kedah melibatkan modal \$143 juta dan memberi peluang pekerjaan kepada 18,857 orang.

Beliau menyeru dewan-dewan perniagaan supaya melancarkan kempen mendapatkan lebih ramai ahli kerana dengan bertambah ahli dan kekuatannya, ia boleh memainkan peranan dan memberi sumbangan yang lebih besar kepada pelaksanaan dasar ekonomi baru.